

03 MAY 1996

PM PECAH TANAH KOMPLEKS YAYASAN BELIA SEDUNIA

MELAKA, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meneruskan lawatan kerja dua hari ke Melaka hari ini dengan melakukan pecah tanah projek pembinaan Kompleks Yayasan Belia Sedunia (WYF) di Ayer Keroh di sini yang bakal menjadi pusat perkhidmatan belia antarabangsa.

Ia ditubuhkan pada 10 Mei 1994 dengan tujuan menggalakkan program penyelidikan, dokumentasi dan pembangunan yang berfaedah kepada belia sejagat.

Kompleks bernilai RM50 juta itu menyediakan pelbagai kemudahan khusus untuk belia seperti hotel, asrama, dewan persidangan dan bengkel.

Ia dijangka siap dalam tempoh 18 bulan dan boleh digunakan menjelang akhir tahun 1998.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Mohd Ali Rustam yang juga Presiden Perhimpunan Belia Sedunia, WAY serta Pengerusi WYF. -- BERNAMA

AZ NJ